

• Mahu tumbangkan kerajaan • Tubuh negara Islam secara kekerasan

PM dedah niat Al-Ma'unah

UM 11 JUL 2000

Oleh OTMAN MOHAMAD dan MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 10 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan kumpulan Al-Ma'unah berhasrat menubuhkan kerajaan pilihan rakyat dan menubuhkan negara Islam sebagai kekerasan.

Sambil melabel kumpulan itu yang terbit dalam rompak senjata api di kem tentera di Perak awal bulan ini sebagai penganaas, Perdana Menteri berkata, mereka terlibat dalam politik cara sendiri bagi menubuhkan kerajaan dengan menubuhkan kerajaan yang ada.

"Bahkan mereka mengeluarkan kenyataan an untuk menubuhkan Perdana Menteri dan kuli-kulinya yang bermakna menteri-menteri kabinet melatakkan jawatan. Itu perundangan mereka.

"Itu semua terdapat dalam perhubungan pertama (*first communication*) mereka menerusi radio," kata Dr. Mahathir pada sidang akhbar selepas mempergunakan mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO di Kompleks Seri Perdana di sini.

● 27 diadilil secepat mungkin — Muka 2
● JAIS kenal pasti 30 pertubuhan amal ajaran sesat — Muka 3

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata, kumpulan itu sebenarnya telah mengambail tindakan secara bodoh.

"Apa yang mereka boleh buat dengan kumpulan di Sauk. Apa persiapan pun tiada, tiada latihan dan sebahagian daripada orang-orangnya tidak pernah menggunakan senapan, sebaliknya masih senang menggunakan senjata dan membunuh telah untuk Islam sama sekali malahan perbuatan seni membeladiri tidak berjuang an mereka menyeksa dan membunuh telah menjelaskan imej Islam.

Malahan, katanya, pendirian UMNO ialah perbuatan kumpulan tersebut adalah perubatan jenayah sebab ia melakukan pembunuhan.

Katanya, Islam tidak mengizinkan pembunuhan dilakukan secara tidak bertanggung jawab walaupun yang dibunuh itu bukan orang Islam.

"Saya berharap tidak ada siapa yang cuba berkhutbah atau membuat syarahan untuk menghalalkan perbuatan ini," katanya. Pada 2 Julai lalu, 15 lelaki ditangkap berpakaian celoreng tentera yang diketuai oleh seorang Letenan Kolonel melarikan 119 raijal automatik dan 5,000 butir peluru dari Kem Batalion 304, Askar Wataniah, Gerik.

Kumpulan itu termasuk ketuanya, Mohd. Amin Mohd. Razali yang bertahan di Bukit Jenalek, Sauk bersama beberapa lagi ahli Al-Ma'unah, akhirnya menyerah diri setelah empat hari dikepung oleh polis dan tentera.

■ Lihat muka 4

PM dedah niat Al-Ma'unah

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Bagaimanapun, kumpulan itu bukan sahaja menyeksa anggota komando Mathew a/k Medan dan detektif Cawang-an Khas R. Sagathevan yang mereka tahan malahan membunuh 8 n p a y dan Perdana Menteri seterusnya berkata, peristiwa itu berkemungkinan menjadi lebih besar jika tidak ditangani dengan bijak oleh pasukan tentera dan polis. "Dalam UMNO kita bersyukur kerana peristiwa ini dapat tangani dengan berkesan dan berjaya. Tidak ramai yang terunuh walaupun kita sedih dua anggota kerajaan diseksa dan dibunuh. Kita berasa amat sedih," katanya.